

29 JUN 1998

Razaleigh - ekonomi

RAZALEIGH SETUJU PENDEKATAN DR MAHATHIR TANGANI KRISIS EKONOMI

Oleh: Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah berkata hari ini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu diberi peluang melaksanakan pendekatannya tersendiri dalam menangani krisis ekonomi walaupun dikritik media asing.

Katanya, cara yang dikemukakan oleh media asing untuk mengatasi kegawatan sekarang tidak semestinya betul.

Sebagai contoh, media asing berpendapat cara menstabilkan ringgit ialah dengan menaikkan kadar bunga, kononnya ia dapat menarik wang luar ke dalam negara secepat mungkin.

Cara itu telah dilaksanakan di Indonesia dan Thailand tetapi sehingga kini belum menampakkan hasil, kata Tengku Razaleigh kepada Bernama.

"Sebaliknya (ia) memburukkan lagi inflasi dan mematikan banyak perniagaan di negara itu. Akibatnya ramai yang hilang pekerjaan," kata Tengku Razaleigh, yang mengakui terpanggil untuk tampil "secara orang kecil" memberi apa jua sumbangan dalam membantu kerajaan menangani krisis itu.

Tengku Razaleigh berkata beliau juga bersetuju dengan hujah Dr Mahathir bahawa tidak adil sekiranya bank dibenarkan menghukum dengan cepat orang ramai yang sukar membayar pinjamannya pada saat ini.

Bank-bank seharusnya menyedari hakikat bahawa kebanyakan syarikat yang bermasalah bukan berpunca daripada pengurusan yang salah tetapi kerana kejatuhan ringgit yang di luar kawalan mereka, katanya.

"Saya percaya dalam krisis ini paling banyak yang menjadi mangsa ialah syarikat-syarikat Bumiputera yang baru bertapak dalam dunia perniagaan. Sekiranya ia berlaku (dikenakan tindakan oleh bank), segala usaha yang dibina menerusi Dasar Ekonomi Baru boleh musnah begitu sahaja," katanya.

Katanya, ketika Amerika Syarikat menghadapi krisis ekonomi beberapa tahun lepas, kerajaannya menekankan kepada sektor hartanah dan automobil dalam menjanakan ekonomi mereka.

"Kerajaan membantu industri ini dengan menggalakkan bank memudahkan pemberian kredit kepada pembeli dan pemaju sektor ini. Bukan membantutkannya melalui kadar bunga yang tinggi atau tindakan lain yang menyulitkan peminjam," katanya.

Hasil daripada tindakan kerajaan itu ialah pengangguran dapat dikurangkan dan banyak wang berada di tangan masyarakat, kata beliau.

"Sekiranya orang mempunyai wang, mereka akan berbelanja, ini akan turut membantu perniagaan dan industri-industri lain.

"Contoh ini menunjukkan pendekatan Dr Mahathir bukanlah asing atau bertentangan dengan mana-mana teori ekonomi yang sedia ada," kata beliau.

Tengku Razaleigh berkata beliau bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa punca masalah ekonomi sekarang datang daripada luar, terutama kegiatan pedagang matawang asing dan spekulator pasaran saham.

"Soal rasuah, pilih kasih dan lain-lain masalah dalaman walaupun ada di negara kita dan negara-negara lain juga, ia harus ditangani secara tegas dan berasingan," katanya.

"Faktor ini bukanlah punca kepada krisis sekarang."

Oleh itu, katanya adalah tidak adil sekiranya ada mana-mana pihak cuba menuding jari sesama sendiri untuk mencari kesalahan.

"Sebaliknya marilah kita cari jalan penyelesaian segera kepada krisis ini. Malah rakyat juga harus bersedia menghadapi kemungkinan sekali lagi kejatuhan nilai ringgit kita dan matawang Asia lain yang sudah tentu akan

membebankan banyak pihak," tegas beliau.

Tengku Razaleigh berkata beliau bersedia memberi apa jua sumbangan secara "orang kecil" dalam membantu kerajaan menangani krisis itu.

"... mungkin ada juga kawan-kawan lama saya, baik di dalam atau luar negara, yang boleh cuba didekati untuk membantu kita, atau cara-cara lain yang difikirkan munasabah oleh pucuk pimpinan kerajaan," katanya.

"Saya harap tawaran saya ini jangan disalah-tafsirkan," kata Tengku Razaleigh.

-- Bernama

azz sj